



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8889 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/2 Jld. 7 (50)  
Tarikh: 21 Oktober 2023

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN MINGGU SOLIDARITI PALESTIN DI INSTITUSI PENDIDIKAN  
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan sesi libat urus bersama-sama pengarah jabatan pendidikan negeri (JPN) bertarikh 20 Oktober 2023 adalah berkaitan.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan Minggu Solidariti Palestin bermula 29 Oktober hingga 3 November 2023 sebagai tanda kebersamaan warga KPM dalam menyokong nilai kemanusiaan sejagat. Program ini melibatkan semua institusi pendidikan bawah KPM iaitu sekolah, kolej vokasional, kolej matrikulasi dan institut pendidikan guru seluruh negara.

3. Pelaksanaan program ini bertemakan keamanan dan kemanusiaan tanpa melibatkan unsur yang bersifat agresif dan ekstrem. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan sepanjang minggu tersebut adalah seperti yang berikut:

- 3.1 Pelancaran Minggu Solidariti Palestin peringkat sekolah dalam perhimpunan pagi;
- 3.2 Pelancaran tabung kutipan sumbangan kepada rakyat Palestin;
- 3.3 Tayangan video dan memperdengarkan lagu yang bersesuaian dengan isu kemanusiaan di Palestin;



- 3.4 Pelaksanaan aktiviti kerohanian yang melibatkan murid Islam seperti solat hajat dan bermunajat;
- 3.5 Pelaksanaan aktiviti kokurikulum khas berkaitan isu kemanusiaan di Palestin seperti pertandingan ciptaan lagu, sajak dan poster; serta
- 3.6 Aktiviti lain yang bersesuaian.

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan, kutipan sumbangan tabung solidariti Pelestin adalah bersifat sukarela sepanjang tempoh pelaksanaan minggu tersebut. Bagi menyelaraskan semua kutipan sumbangan, pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan boleh menggunakan akaun Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran (PSKPP) negeri masing-masing. Seterusnya pihak PSKPP negeri perlu menyalurkan sumbangan yang telah diterima kepada Persatuan Sukan dan Kebudayaan KPM (MESCA) melalui akaun **Public Islamic Bank Berhad** bernombor **3811522622** sebelum atau pada **3 November 2023**.


5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, pejabat pendidikan daerah dan sekolah serta institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia